



POLITEKNIK
Port Dickson
Jabatan Pengajian Politeknik



**SESI
DIS 2011**

Program

MINGGU SUAI KENAL

POLITEKNIK PORT DICKSON



BERSAMA MENUJU KECEMERLANGAN

www.polipd.edu.my

KATA-KATA ALUAN PENGARAH POLITEKNIK PORT DICKSON



*Assalamualaikum wr. w.b.t
dan salam sejahtera.*

👋 Selamat Datang ke Politeknik Port Dickson. Tahniah dan Syabas kepada anda semua kerana berjaya menjejaskan kaki ke Politeknik ini. Kini anda telah menjadi warga Politeknik Port Dickson. Anda merupakan kumpulan pelajar yang sangat bertuah kerana dapat melanjutkan pengajian ke Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia daripada puluhan ribu calon yang memohon. Gunakanlah peluang

sekali seumur hidup ini untuk menimba seberapa banyak ilmu pengetahuan yang boleh untuk membantu anda menjadi insan yang berguna kepada keluarga, masyarakat, bangsa dan negara.

Oleh kerana anda semua merupakan orang baru dalam sistem Politeknik maka pihak Pengurusan Politeknik Port Dickson telah merangka satu program Minggu Suaikenal (MSK) bertujuan untuk membantu anda memahami sistem pembelajaran dan cara hidup di sini sebagai seorang pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam. Sehubungan dengan itu hadapilah MSK ini dengan tenang dan penuh dedikasi serta beri kerjasama sepenuhnya kepada semua pihak yang terlibat. Jadilah warga Politeknik Port Dickson yang bertanggungjawab dan gunakanlah peluang yang tidak ternilai ini sebaik mungkin.

MSK merupakan satu kursus yang diwajibkan ke atas semua pelajar baru di Politeknik Port Dickson. Kursus ini dikendalikan oleh Unit Hal-Ehwal Pelajar dengan kerjasama Jabatan-Jabatan Akademik. Kursus ini merupakan sebahagian daripada proses asimilasi pelajar baru dari alam persekolahan ke alam Politeknik. Gunalah peluang sepanjang MSK ini untuk memahami sistem dan cara hidup di sini, hayatilah peraturan di sini, kenallilah Pengarah PPD, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, Pensyarah dan Kakitangan, Para Warden Asrama, rakan-rakan anda serta seluruh warga Politeknik Port Dickson ini. Politeknik Port Dickson sentiasa bersedia untuk membantu anda menjadi orang yang berjaya dan merealisasikan impian anda sebagai satu kenyataan

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan MSK ini terutamanya Ahli Jawatankuasa MSK. Sekian terima kasih.

(Hj. Mohd Kharir Bin Mohd Ibrahim)

Pengarah Politeknik Port Dickson

SELEMBAR PESANAN KETUA JABATAN HAL-EHWAL PELAJAR POLITEKNIK PORT DICKSON



Selembar Pesanan

KETUA JABATAN HAL- EHWAL PELAJAR
Politeknik Port Dickson

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang.

Assalamualaikum Wr. Wbt.

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah yang masih memberi kita kesihatan dan kekuatan untuk terus hidup di bumi bertuah ini. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada siswa-siswi yang baru terpilih untuk mengikuti pengajian di Politeknik Port Dickson Negeri Sembilan Darul Khusus. (POLIPD)

Jabatan Hal-Ehwal Pelajar telah diamanatkan untuk melaksanakan Minggu Suaikenal (MSK) demi kebaikan para siswa-siswi. Program ini merupakan aktiviti yang mesti dilalui oleh semua siswa-siswi baru sebaik sahaja siswa-siswi mendaftar diri sebagai pelajar Politeknik Port Dickson. Pelbagai aktiviti telah disusun dan akan dilaksanakan sepanjang program MSK ini di mana diharapkan aktiviti ini mampu memberikan input yang berguna kepada siswa-siswi. Selepas menjalani program MSK ini, siswa-siswi diharap dapat:

- Mengetahui visi dan misi POLIPD
- Mengetahui dan mengenali semua pegawai-pegawai kanan Politeknik
- Mengetahui dan mengetahui Ahli Jawatankuasa MSK
- Mengetahui sistem pengajian di POLIPD
- Mengatahui dan memahami peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan di POLIPD
- Mengetahui cara menguruskan diri dan masa sebagai warga POLIPD
- Mengenali dan mengeratkan ukhwah sesama siswa-siswi baru.
- Menghormati orang yang lebih tua termasuk pelajar-pelajar senior.

Kepada Siswa-siswi baru, selamat mengikuti program MSK ini dengan tabah dan penuh komitmen. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat kerana berkerjasama menjayakan Minggu Suaikenal POLIPD ini.

Sekian, terima kasih

(Hj. Wan Mohd Hujjatullah Bin Wan Ghazali)

Ketua Jabatan Hal-Ehwal Pelajar Politeknik Port Dickson.

ASA	5.30 - 7.00	7.00 - 7.30	7.30 - 8.00	8.00 - 8.30	8.30 - 9.30	9.30 - 10.30	10.30 - 11.00	11.00 - 12.00	12.00 - 12.30	12.30 - 12.00
-----	-------------	-------------	-------------	-------------	-------------	--------------	---------------	---------------	---------------	---------------

PENDAFTARAN KAMSIS												
SA 011	Solat Subuh/Tazkirah		Berkumpul di kantena berhimpunan	Bergerak ke Dewan Wawasan	Bergerak ke koperasi	Urusan Pengambilan Barangan MSK di Koperasi dan balik ke Pusat Islam untuk mengikuti aktiviti LDK/Als Breaking. <i>(Nota : Pendaftaran Pel sem 1 (Tarika Asrama) dan Lepasan Sijil)</i>					Bergerak ke Dewan Makan	Makan Tgh/Solat Zohor/ Solat Jumaat
						T5 : Taklimat Perpustakaan (Peg. Perpustakaan)	T6 : Taklimat Blasiswa (Peg. Blasiswa)	Rehat	T7 : Taklimat Disiplin & Akta 174 (Peg. Disiplin)			
						T10 : Taklimat ISO (TPSA/Peg. Kualiti)	T11 : Taklimat Peperiksaan (Peg. Peperiksaan)		T12 : Taklimat Wataniah (Tn. Pengarah)			
						Perasmian Penutup MSK Oleh Pengarah						
SA 011	Solat Subuh/Tazkirah		Sarapan									
BU 011												
MS 011												
AT 011												

KETUA JABATAN



Mejar (K) Tn. Hj. Mohd Kharir B Mohd Ibrahim, DNS.
(Pengarah Politeknik Port Dickson)



En. Charim Bin Ibrahim
(Timbalan Pengarah Sokongan Akademik)

En. Tan Chee Kiong
(Timbalan Pengarah Akademik)



Tn. Hj. Wan Mohd Hujjatullah b. Wan Ghazali
(Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar)

Pn Noor Azizah Bt Ibrahim
(Ketua Jabatan Metamatik Sains dan Komputer)



En. Ishak Bin Sarip
(Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal)

Pn. Rosniyati Bt. Abd Razak
(Ketua Jabatan Perdagangan)



Pn Izawati Bt Isa
(Ketua Jabatan Pengajian Am)

Cik Hjh. Zaleha Bt. Abdullah
(Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam)



Pn. Hjh. Zainab bt. Musri
(Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik)

Nagarajah a I Marimuthu
(Pegawai Perhubungan Awam)



OBJEKTIF MSK

Minggu Suaikenal yang dianjurkan mempunyai objektif berikut:

- Memberi pendedahan awal kepada pelajar-pelajar baru tentang sistem pengajaran dan pembelajaran di Politeknik Port Dickson.
- Memupuk dan menyemai nilai-nilai murni dan mulai serta mengamalkan cara hidup sihat bagi mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang
- Memupuk semangat patriotisme serta berkesanggupan untuk berkorban dan berbakti kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara.

STATUS MSK

Semua pelajar baru diwajibkan mengikuti kursus ini dengan jayanya.

2.00 - 2.30	2.30 - 3.30	3.30 - 4.30	4.30 - 6.00	6.00 - 6.30	6.30 - 9.00	9.00 - 9.30	9.30 - 10.30	10.30 - 11.00
Bergerak ke Dewan Wawasan	Pengedaran Fail Pelajar	T1 : Taklimat Pendaftaran oleh PHEP(PD) Peg. Pengambilan		Bergerak ke Dewan Makan	Makan Malam/Solat Maghrib/ Kuliiah/Solat Isya'	Bergerak ke Dewan Wawasan	T2 : Taklimat MSK/ Persediaan Perasmian Pembukaan MSK	Minum Malam/Rehat
	T3 : Taklimat Keselamatan (PDRM)	T4 : Taklimat Kaunseling & Kerjaya (Peg. PK)	Minum Petang/Asar					
	T8 : Taklimat PIN (Pn. Hj.h. Fauziah)	T9 : Taklimat Sukan oleh Peg. Sukan						
MSK Selesai- Pelajar diserahkan kepada Jabatan								

Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Port Dickson/Tarikh : 28 Okt 2011

ATURCARA PERASMIAN PEMBUKAAN

- Upacara Pengacara
- Bacaan Doa
- Ucapan Pengerusi MSK
- Ucapan Perasmian Pembukaan VVIP
(Timbalan Pengarah Sokongan Akademik)
- Ikrar MSK
- Penyampaian Cenderamata kepada VVIP
- Nyanyian Lagu Negaraku
- Bersurai

ATURCARA PERASMIAN PENUTUP

- Upacara Pengacara
- Bacaan Doa
- Ikrar Pelajar Baru
- Ucapan Pengerusi MSK
- Ucapan Perasmian Penutup VVIP (Pengarah PPD)
- Tayangan Video Sepanjang MSK (12 Minit)
- Penyampaian Hadiah dan Cenderamata
- Penyampaian Cenderamata kepada VVIP
- Nyanyian Lagu Politeknik
- Nyanyian Lagu Negaraku
- Bersurai

AJK MSK (STAF) SESI DIS 2011

BIL	JAWATANKUASA	PENGERUSI / AJK
1	PENAUNG	PENGARAH PPD
2	PENASIHAT 1	TIMBALAN PENGARAAH AKADEMIK
3	PENASIHAT 2	TIMBALAN PENGARAH SOKONGAN AKDEMIK
4	PENGERUSI	HJ.WAN MOHD HUJJATULLAH WAN GHAZALI (KJHEP)
5	NAIB PENERUSI	HJ.MOHD ASRI SARBUN (PHEP KD)
6	SETIAUSAHA	CIK AMIRA HARIYATI RUZAIDI (ICT)
7	BENDAHARI	CIK NASIBAH OMAR (JP)
8	JAW. JAMUAN DAN MAKANAN	TN.HJ.CHE KAMARUDDIN CHE PA (K) US. MUHAMAD RAMLE SALLEH (JPA) EN. MOHD SHAH RIZAN NIZAM ABDUL MANAF (JKE)
9	JAW. DISIPLIN DAN PERGERAKAN	EN.AHMAD ZAIDI MISPAN (PEGWAI DISIPLIN) EN.MOHD FAKURUDIDN ABDUL MANAF (JKM) EN.AIDIL AZHIIM SHAMSUDDIN (JKE) EN.NOORHAFIZ KANAFI (JMSK)
10	JAW. PERASMIAN	PN.FARAH DIBA AYEOP ABDUL KHALIL (PHEP PD)
11	JAW. TAKLIMAT DAN CENDERAMATA	CIK HYRIDA BINTI OTHMAN (JP) CIK NURUL ATIQA BINTI BASRI (UPIM)
12	JAW. KEROHANIAN	TN.HJ. ZAMRI IBRAHIM (JPA) US. MOHD HISHAM MD SAID (JPA)
13	JAW. AKTIVITI MORAL	EN. DINESH KUMAR A/L MURUGIAN (JKM)
14	JAW. LDK DAN KAUNSELING	EN. JAMALUDIN SUHAIMI (KUPK)
15	JAW. PERSEMBAHAN PELAJAR	PN.FARAH DIBA AYEOP ABDUL KHALIL (PHEP PD) CIK HYRIDA BINTI OTHMAN (JP)
16	JAW. PERSIAPAN DEWAN DAN PENTAS	EN.NOORHAFIZ KANAFI (JMSK)
17	JAW. RAKAMAN DAN SIARAYA	EN.MOHAMAD SIRI MUSLIMIN (UPIM)
18	JAW. KECEMASAN DAN PENGANGKUTAN	EN.AHMAD SYARIFUDDIN BIN MOHAMMED NASIR (MA) EN.MOHD RADZUAN HAIRI MAT DIN (JKM)
19	JAW. FASILITI DAN SENGGAARAAN	EN.ISMAIL HASHIM (UPPF)
20	JAW. PENILAIAN DAN SOALSUDIK	EN. JAMALUDIN SUHAIMI (KUPK)

KALENDAR AKTIVITI PENDAFTARAN & MSK

TARIKH	HARI	AKTIVITI	TEMPAT	ANGGARAN PELAJAR
1. PENDAFTARAN				
19 DISEMBER 2011	ISNIN	Pendaftaran Kamsis Pelajar Baharu S1 (yang ditawarkan Kamsis sahaja)	Kamsis, 8.30 pg - 12.30 tgh	820 Pelajar
20 DISEMBER 2011	SELASA	Pendaftaran Pengajian Pelajar S1. (yang tidak ditawarkan Kamsis)	Dewan Wawasan, 8.30 pg - 12.30 tgh	100 Pelajar
		Pendaftaran Pelajar Baharu Lepas Sijil Politeknik & Sijil Kolej Komuniti	Dewan Wawasan, 8.30 pg - 12.30 tgh	300 Pelajar
		Pendaftaran Lapar Diri Pelajar Tamat Latihan Industri	Dewan Kuliah, 8.30 pg - 12.30 tgh	544 Pelajar
		Pendaftaran Kamsis Pelajar Senior (yang ditawarkan Kamsis sahaja)	Kamsis, 8.30 pg - 12.30 tgh	400 Pelajar
21 DISEMBER 2011	RABU	Pendaftaran Kursus Pelajar Senior	Jabatan Akademik, 8.30 pg - 12.30 tgh	3000 Pelajar
22 DISEMBER 2011	KHAMIS	Pendaftaran Pelajar Tukar ke PoliPD	JHEP, 8.30 pg - 12.30 tgh	100 Pelajar
23 DISEMBER 2011	JUMAAT	MSK JABATAN BAGI PELAJAR BAHARU SEMESTER I	Jabatan, 8.30 pg - 4.30 ptg	820 Pelajar
2. MINGGU SUAI KENAL				
19 DISEMBER 2011 HINGGA 23 DISEMBER 2011	ISNIN HINGGA JUMAAT	MINGGU SUAI KENAL PELAJAR BAHARU SEMESTER I	Dewan Wawasan DK1, DK4, DK5, DK6 Pusat Islam Kafe A, Kafe B, Kantin	820 Pelajar
20 DISEMBER 2011 (JAM 2.30 PTG)	SELASA	MAJLIS SUAI KENAL PELAJAR BAHARU LEPASAN SIJIL POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI	Dewan Kuliah 4 2.30 ptg	300 Pelajar

JADUAL MSK UNTUK PELAJAR INTEGRASI

Tarikh : 19 Disember 2011 (Hari Pendaftaran)

Masa : 8.30 Pagi

Tempat : Dewan Wawasan (Tempat Pendaftaran)

(Pakaian : Kemas & Bersopan)

2.30 ptg - 3.30 ptg	: Ucapan selamat datang bersama Tn. Pengarah
3.30 ptg - 4.30 ptg	: Taklimat Hal-hal Pelajar (oleh: Pegawai Hal-hal Pelajar)
4.30 ptg - 5.30 ptg	: Taklimat Akta 174, Peraturan Disiplin dan Akujanji (oleh: Pegawai Disiplin PPD)
5.30 ptg - 6.00 ptg	: Kudapan & Bersurai

PERATURAN MSK

- Semua pelajar dikehendaki berpakaian kemas dan tidak menjolok mata serta mematuhi arahan keseragaman berpakaian sepanjang MSK seperti yang tercatat pada Jadual Aktiviti Harian MSK. Semasa mengikuti Ceramah Agama di Pusat Islam, pelajar Puteri dikehendaki berbaju kurung/bertudung.
- Semua pelajar diwajibkan mengikut semua aktiviti yang telah ditetapkan di dalam Jadual MSK.
- Pelajar-pelajar Muslim diwajibkan mengikut ceramah agama (Kuliah Subuh & Maghrib) di Pusat Islam serta solat berjemaah pada setiap waktu Pusat Islam. Pada masa yang sama, pelajar bukan Muslim dikehendaki mengikut aktiviti Moral di Dewan Wawasan / Pusat Pelajar Asrama.
- Semua pelajar lelaki hendaklah berambut pendek dan kemas.
- Semua pelajar hendaklah menjaga nama baik Politeknik Port Dickson sepanjang masa.
- Semua pelajar hendaklah mematuhi arahan AJK MSK.
- Semua pelajar dikehendaki menghormati antara satu sama lain dan sesama warga Politeknik.
- Pelajar dilarang sama sekali cuba mencetuskan pergaduhan dan provokasi sama ada sesama pelajar atau AJK MSK.
- Pelajar yang sakit hendaklah segera melaporkan diri kepada pensyarah bertugas atau Warden Asrama.
- Pelajar yang ponteng dan tidak mematuhi peraturan MSK akan dikenakan tindakan disiplin.
- Pelajar tidak dibenarkan menerima pelawat sepanjang MSK berlangsung kecuali kecemasan (rujuk AJK MSK)

LAGU POLITEKNIK MALAYSIA

Politeknik Malaysia

Politeknik adalah warisan kita
Membekal tenaga bidang teknikal
Bersama membina kemajuan negara
Malaysiaiku tercinta

Akhlak mulia asas jaya
Itulah amalan hidup kita
Di mana sahaja Politeknik berada
Harapan tetap sama

Politeknik ku sanjung jasa-jasamu
Mencipta lembaran sejarah
Harapan impian kan menjadi nyata
Cekal taqwa usaha penentu arah

Maju Politeknik ayuh maju
Semangat mu merestui perjuangan ku
Teknologi teras pembangunan negara
Politeknik Malaysia

(ulang)

Teknologi teras pembangunan negara
Politeknik Malaysia

LAGU NEGARAKU

Negaraku

Negaraku
Tanah tumpahnya darahku
Rakyat hidup
Bersatu dan maju
Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita
Selamat bertakhta

IKRAR MINGGU SUAI KENAL

(Dibaca semasa majlis perasmian pembukaan)

Sesungguhnya kami, pelajar-pelajar baru Politeknik Port Dickson,
berikrar dan berikrar dan berjanji, dengan ikhlas dan sungguh hati,
akan melibatkan diri sepenuhnya, dalam semua aktiviti Minggu Suai Kenal,
berlandaskan prinsip-prinsip berikut :

Mematuhi semua peraturan Politeknik dan Negara.
Sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni dan akhlak mulia.
Sentiasa menghormati ahli jawatankuasa MSK.
Sentiasa menghormati sesama warga Politeknik Port Dickson.
Dan sentiasa menghargai masa.

IKRAR PELAJAR POLITEKNIK

(Dibaca semasa majlis perasmian penutup)

Bahawasanya kami,
pelajar-pelajar Politeknik Port Dickson,
dengan ini berikrar dan berjanji,
dengan ikhlas dan sungguh hati,
mematuhi semua peraturan dan undang-undang p
serta menumpukan sepenuh tenaga kami,
untuk meningkatkan prestasi kami,
dalam bidang akademik dan kokurikulum.
Kami berjanji.